



## UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

### PEKELILING PENDAFTAR

UiTM Bil. 22.Tahun 2008

#### IKLAN KENAIKAN PANGKAT

Permohonan adalah dipelawa dari staf Universiti Teknologi MARA Cawangan Sarawak di dalam Kumpulan Sokongan I dan II yang sedang berkhidmat untuk memohon jawatan-jawatan kenaikan pangkat yang kosong seperti berikut:-

#### KUMPULAN SOKONGAN

1. i) *Jawatan* : *Juruteknik Komputer*
- ii) *Gred Jawatan* : *FT22*
- iii) *Kekosongan* : *1*
- iv) *Penempatan* : *UiTM Negeri Sarawak*
- v) *Syarat Kelayakan* :

Juruteknik Komputer Gred FT17 adalah layak dipertimbangkan kenaikan pangkat ka jawatan Juruteknik Komputer Gred FT22 yang kosong apabila telah :-

- a) disahkan dalam perkhidmatan;
  - b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan
  - c) lulus semua *penilaian tahap kecekapan* yang ditetapkan dan;
  - d) diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
- vi) *Tanggagaji* : *Gred FT22*
- |                       |   |                        |
|-----------------------|---|------------------------|
| <i>P1T1 RM1932.06</i> | - | <i>P1T12 RM2863.79</i> |
| <i>P2T1 RM2074.24</i> | - | <i>P2T12 RM3163.24</i> |

2. i) *Jawatan* : **Juruteknik**  
ii) *Gred Jawatan* : **J22**  
iii) *Kekosongan* : **1**  
iv) *Penempatan* : **UITM Negeri Sarawak**  
v) *Syarat Kelayakan* :

Juruteknik Gred J17 adalah layak dipertimbangkan kenaikan pangkat ke jawatan juruteknik gred J22 yang kosong apabila telah:-

- a) disahkan dalam perkhidmatan;  
b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan  
c) lulus semua **penilaian tahap kecekapan** yang ditetapkan dan;  
d) diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

- vi) *Tanggagaji* : *Gred J22*  
*P1T1 RM1932.06 - P1T12 RM2863.79*  
*P2T1 RM2074.24 - P2T12 RM3163.24*

- 
3. i) *Jawatan* : **Pembantu Perpustakaan**  
ii) *Gred Jawatan* : **S22**  
iii) *Kekosongan* : **1**  
iv) *Penempatan* : **UITM Negeri Sarawak**  
v) *Syarat Kelayakan* :

Pembantu Perpustakaan Gred S17 adalah layak dipertimbangkan kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Perpustakaan Gred S22 yang kosong apabila telah:-

- a) disahkan dalam perkhidmatan;  
b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan  
c) lulus semua **penilaian tahap kecekapan** yang ditetapkan; dan  
d) diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

vi)	Tanggagaji	:	Gred S22
	P1T1 RM1915.43	-	P1T12 RM2838.04
	P2T1 RM2057.61	-	P2T12 RM3134.53

---

4. i) Jawatan : **Pembantu Am Pejabat**
- ii) Gred Jawatan : **N4**
- iii) Kekosongan : **2**
- iv) Penempatan : **UiTM Negeri Sarawak**
- v) Syarat Kelayakan :

Pembantu Am Pajabat Gred N1 adalah layak dipertimbangkan kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Am Pejabat Gred N4 yang kosong apabila telah:-

- disahkan dalam perkhidmatan;
- mencapai tahap prestasi yang ditetapkan
- lulus semua **penilaian tahap kecekapan** yang ditetapkan; dan
- diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

vi)	Tanggagaji	:	Gred N4
	P1T1 RM709.59	-	P1T18 RM1534.57
	P2T1 RM796.16	-	P2T18 RM1702.70

---

5. i) Jawatan : **Pekerja Awam**
- ii) Gred Jawatan : **R4**
- iii) Kekosongan : **1**
- iv) Penempatan : **UiTM Negeri Sarawak**
- v) Syarat Kelayakan :

Pekerja Awam Gred R1 adalah layak dipertimbangkan kenaikan pangkat ke jawatan Pekerja Awam Gred R4 yang kosong apabila telah:-

- a) disahkan dalam perkhidmatan;
  - b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan
  - c) lulus semua **penilaian tahap kecekapan** yang ditetapkan; dan
  - d) diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
- vi) Tanggagaji : Gred R4
- |               |   |                 |
|---------------|---|-----------------|
| P1T1 RM701.42 | - | P1T17 RM1354.86 |
| P2T1 RM787.99 | - | P2T17 RM1493.59 |

#### CARA MEMOHON

1. Semua permohonan hendaklah dibuat melalui '**e-kenaikan pangkat**' dengan melayari laman web UITM di <http://www.uitm.edu.my> dan seterusnya mendaftar (Login ID) di 'i-Staff Portal'.
2. Borang permohonan yang telah lengkap diisi dan disokong secara on-line oleh Ketua Jabatan hendaklah dicetak sebanyak 1 salinan dan seterusnya dihantar ke Bahagian kami beserta 1 salinan keputusan **Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) dan Kursus Kenegaraan (jika berkenaan)** yang telah disahkan.
3. Borang permohonan yang telah dicetak dan lengkap diisi hendaklah dihantar ke Bahagian kami di alamat seperti berikut :-

Timbalan Pendaftar Kanan  
Bahagian Pentadbiran  
Universiti Teknologi MARA Negeri Sarawak  
Kampus Kota Samarahan  
Jalan Meranek  
94300 Kota Samarahan

#### MAKLUMAN / PERHATIAN

1. Pemohon bagi jawatan-jawatan di dalam perkhidmatan **Mahir/Separuh Mahir/Tidak Mahir** sebelum dibenarkan mengisi permohonan melalui e-kenaikan pangkat hendaklah terlebih dahulu mengemaskini rekod kelulusan kemahiran yang mereka perolehi (*Sijil Pengajar/Sijil Kemahiran Malaysia/MLVK atau yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan*) ke Bahagian Sumber Manusia. Kegagalan mengemaskini rekod berkenaan boleh mengakibatkan permohonan ditolak serta merta.


2. Sekiranya didapati pemohon memberikan maklumat yang tidak benar, kenaikan pangkat akan ditarik balik dan pemohon boleh dikenakan tindakan tatatertib.
3. Penempatan bagi calon-calon yang berjaya adalah tertakluk kepada keputusan Pihak Pengurusan Tertinggi Universiti.
4. Hanya pemohon yang telah disenarai pendek (*short-listed*) sahaja akan dipanggil untuk sesi temuduga dan pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan daripada pihak kami dalam tempoh *enam (6) bulan* daripada tarikh tutup permohonan adalah dianggap tidak berjaya.

#### TARIKH TUTUP PERMOHONAN

Tarikh tutup permohonan ialah pada 23 Jun 2008. Permohonan yang diterima selepas tarikh ini *tidak* akan dilayan.

Sekian dimaklumkan. Terima kasih.

Yang benar



DR. HAJAH ZAHRAH MOKHTAR  
Pendaftar

No. Fail : 100-BPD(PTA, 6/3)

Tarikh :









